



KERAJAAN SARAWAK ZAHIR KOMITMEN BASMI RASUAH BERSAMA SPRM

Kuching, 20 Julai. - Kerajaan Sarawak menzahirkan komitmen serta kesungguhan dalam usaha membasmu dan mencegah rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) apabila seramai 76 pegawai di Jabatan Premier Negeri Sarawak berjaya menamatkan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) menerusi program Seminar Kelestarian Integriti (SKI) Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sektor Awam Siri 30 Bil. 2/2022.

Program berkenaan yang dikelolakan Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dengan kerjasama Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), Jabatan Premier Negeri Sarawak merupakan salah satu usaha Sarawak membentuk modal insan sektor awam yang profesional, bertanggungjawab serta berintegriti.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Integriti dan Ombudsman), Dato' Murshid Diraja Dr. Juanda Jaya berkata, kerajaan sentiasa mendukung inisiatif dalam meningkatkan usaha untuk memerangi gejala rasuah serta memastikan bahawa perkhidmatan awam dibarisi oleh penjawat awam yang telus, dipercayai, amanah dan mengutamakan kepentingan rakyat.

Katanya, bagi memastikan organisasi awam kekal relevan, penjawat awam hendaklah mempunyai daya ketahanan tinggi (resilient), anjal (flexible), tangkas (agile) dan berinovasi (innovative) serta mestilah dilengkapi dengan nilai integriti tinggi.

"Program CeIO ini merupakan elemen penting dalam pembentukan sahsiah, etika, imej dan jati diri penjawat awam.

"Ia diharap dapat menjadikan peserta sekalian sebagai pegawai integriti jabatan yang berpotensi memantau dan membasmu isu-isu berkaitan integriti, rasuah atau pelanggaran tatakelakuan organisasi di jabatan masing-masing serta menjadi agen perubahan dalam mewujudkan iklim budaya kerja cemerlang yang menolak rasuah secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Penutupan Seminar Kelestarian Integriti (SKI) Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 30 Bil. 2/2022 yang diadakan di Borneo Convention Centre Kuching BCCK, semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Junipah Wandu dan Pengarah MACA, Dato' Haji Idris Zaharudin.

Sementara itu, Dato' Junipah dalam ucapannya berkata, bagi membolehkan setiap peserta ditauliahkan sebagai pegawai CeIO, mereka perlu mengikuti dan melengkapkan empat modul diperakukan oleh Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB) dalam masa 22 hari.

Katanya, program CeIO telah dilaksanakan sejak 2010 dan sehingga 2021 ia telah disertai 1,808 peserta termasuk 79 peserta luar negara.

Malah, beliau turut menjelaskan bahawa buat pertama kalinya juga, program CeIO yang dijalankan ini turut melibatkan dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia menerusi program *Enhancing Integrity Project* (EIP) dijalankan di Kampung Pasir Ulu, Lundu.

Ia disertai wakil daripada Pejabat Kabupaten Sambas, Pejabat Camatan Sajingan Besar dan Pos Lintasan Batas Negara (PLBN) Indonesia yang menyokong usaha pencegahan rasuah dan pementapan integriti di setiap agensi.

